

TAHAP PEMAHAMAN PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH

MD ZAINI BIN SAAID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



**TAHAP PEMAHAMAN PENDIDIKAN MULTIBUDAYA DALAM
KALANGAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH**

MD ZAINI BIN SAAID

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)**



**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012



PENGAKUAN

Saya akui kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya.

2012

.....
MD ZAINI BIN SAAID
M20102000984



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyempurnakan kertas projek ini dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil yang diperolehi dengan adanya kerjasama, tunjuk ajar, bimbingan, motivasi dan idea daripada mereka yang terlibat. Di kesempatan ini saya merakamkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr. Abdul Talib Mohamed Hashim yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kakitangan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia serta Institusi Pengajian Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Di kesempatan ini juga saya merakamkan penghargaan buat para guru dan semua pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian.



Jutaan penghargaan buat ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan padu dan semangat yang tidak putus-putus sepanjang pengajian sarjana saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat rakan-rakan seperjuangan, rakan-rakan sekerja, majikan dan pihak-pihak lainyang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan sepanjang pengajian saya.

Segala jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh semua pihak secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini hanya mampu dibalas oleh Allah S.W.T. Terima Kasih tidak terhingga untuk semua pihak.

Sekian. terima kasih.

.....

MD ZAINI BIN SAAID
M20102000984





ABSTRAK

Pengetahuan, kemahiran, sikap dan amalan merupakan elemen penting yang disarankan oleh Byram (1997) dalam teorinya berkaitan pendidikan multibudaya. Para guru perlu dilengkapkan dan didedahkan dengan elemen-elemen tersebut melalui latihan perguruan dan program-program berkaitan supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai matlamat pendidikan multibudaya yang bertujuan menghindari prejudis terhadap perbezaan etnik serta membina sikap positif terhadap perbezaan etnik. Kajian ini meneliti dan mengenalpasti pemahaman guru mengenai pendidikan multibudaya yang diamalkan di sekolah. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 16, Bandar Tun Abd Razak, Jengka, Maran, Pahang. Elemen pendidikan multibudaya seperti pengetahuan, kemahiran, sikap dan amalan merupakan fokus utama pengkaji yang berpandukan kepada model Byram (1997). Soal selidik digubal oleh pengkaji digunakan sebagai instrumen utama kajian. Soal selidik yang menggunakan skala likert ini mengandungi 33 item dan diedarkan kepada 50 orang guru yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, pemahaman mengenai pendidikan multibudaya dalam kalangan guru sekolah menengah berada pada tahap sederhana. Usaha yang berterusan penting untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai pendidikan multibudaya.





ABSTRACT

MULTICULTURAL EDUCATION LEVEL UNDERSTANDING AMONG TEACHERS IN SECONDARY SCHOOL

Knowledge, skills, attitudes and practices are key elements suggested by Byram (1997) in his theory of education-related multibudaya. The teacher must be completed and exposed to the elements through teacher training and programs related to the teaching and learning process to achieve the intended educational goals multibudaya avoid prejudice against ethnic differences and build positive attitudes toward ethnic differences. This study examined and identified multibudaya understanding teachers on education as practiced in schools. The study was conducted at the National High School Jengka 16, Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Maran, Pahang. Multibudaya educational elements such as knowledge, skills, attitudes and practice is the main focus of researchers based on the model Byram (1997). Questionnaire was administered by the researcher used as the main instrument of the study. Questionnaire using Likert scale consists of 33 items were distributed to 50 teachers who are directly involved in the study. The results showed a whole, the understanding of multibudaya education among secondary school teachers at a moderate level. Significant ongoing efforts to enhance the knowledge and skills of multibudaya education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Kerangka Konseptual	7
1.7 Definisi Istilah Dan Operasional	8
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Rumusan	15

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Pendidikan dan Kerjaya Perguruan di Malaysia	16
2.3 Konsep Pendidikan Multibudaya	18
2.4 Penerapan Pendidikan Multibudya Melalui Kurikulum Dan Ko kurikulum Sekolah	22
2.5 Integrasi Nasional Melalui Pendidikan Multibudaya	24
2.6 Kajian Lepas	26
2.7 Rumusan	34

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Pemilihan Latar Dan Sampel	37
3.4 Instrumen Kajian	38
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	39
3.6 Kaedah Analisis Data	39
3.7 Kebolehpercayaan dan Kajian Rintis	40
3.8 Batasan Kajian	41

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	42
4.2 Latar Belakang Respoden	42
4.3 Pemahaman Guru Mengenai Pendidikan Multibudaya	45
4.4 Hubungan Antara Tempoh Perkhidmatan Dengan Aspek Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Amalan Dengan Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru.	54

BAB 5 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	71
5.2 Ringkasan Kajian	71
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	73
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.5 Rumusan	80

RUJUKAN 82**LAMPIRAN 1: SOAL SELIDIK**

SENARAI RAJAH

Rajah

1.0

Kerangka Konseptual

Muka surat

7

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

1.0	Pembahagian Item Soal Selidik	38
2.0	Peratus Persetujuan Kebolehpercayaan Soal Selidik	41
3.0	Jantina	42
4.0	Umur	43
5.0	Bangsa	43
6.0	Tempat Tinggal	43
7.0	Status Pekerjaan	44
8.0	Tempoh Perkhidmatan	44
9.0	Aspek Pengetahuan Guru Mengenai Pendidikan Multibudaya	45
10.0	Aspek Kemahiran Pendidikan Multibudaya Dalam Kalangan Guru	47
11.0	Aspek Sikap Guru Terhadap Pendidikan Multibudaya	49
12.0	Aspek Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Pendidikan Multibudaya	51
13.0	Tempoh Perkhidmatan Guru dengan Tahap Pengetahuan Mengenai Pendidikan Multibudaya	54
14.0	Tempoh Perkhidmatan Guru dengan Kemahiran Berkaitan Pendidikan Multibudaya	58
15.0	Tempoh Perkhidmatan Guru dengan Sikap Terhadap Pendidikan Multibudaya	62
16.0	Tempoh Perkhidmatan Guru dengan Amalan berkaitan Pendidikan Multibudaya	65



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya bab ini akan menjelaskan kepentingan kajian dan definisi istilah dan operasional



1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara, penting bukan sahaja kerana fungsi kebajikan dan sosialisasinya iaitu di mana kanak - kanak dididik untuk menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta alam sekeliling, tetapi juga boleh digunakan sebagai wadah untuk menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat iaitu melalui penerapan tentang kefahaman serta nilai - nilai positif mengenai kepelbagaian kaum dalam kalangan para pelajar. Menerusi perancangan yang sistematik, kurikulum yang seragam dan amalan pedagogi di bilik - bilik darjah yang bersesuaian, maka sistem pendidikan di Malaysia berhasrat membentuk ciri- ciri tingkahlaku dan sikap pelajar yang bersesuaian dengan tatasusila masyarakat Malaysia.





Matlamat utama pendidikan di Malaysia ialah melahirkan individu dan masyarakat yang berilmu, beramal, dan berakhlak murni berasaskan kepercayaan kepada Tuhan. Yang kedua ialah memupuk ciri-ciri patriotisme dan mengeratkan perpaduan ke arah membina bangsa Malaysia yang kukuh dalam segala bidang. Yang ketiga ialah untuk melahirkan sumber manusia yang bertaraf dunia untuk memenuhi keperluan negara ke arah mencapai taraf negara maju. Oleh itu, sekolah dilihat sebagai institusi yang memainkan peranan sebagai agen pewarisan budaya yang penting bagi sesuatu masyarakat, dengan mewariskan segala ilmu dan kemahiran yang terkumpul dalam masyarakat tersebut (<http://www.moe.gov.my>).

Menurut Sufean Hussin (2008), dalam masyarakat primitif, pendidikan tidak formal memainkan peranan penting sebagai penyambung pengetahuan yang kemungkinannya terhad. Begitu juga dengan masyarakat ringkas, diikuti oleh masyarakat lebih maju sehinggalah kepada masyarakat moden hari ini, sekolah masih berperanan utama sebagai penyalur budaya dan ilmu untuk masyarakat. Untuk memenuhi keperluan sosial dan ekonomi maka sekolah menjadi institusi formal untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu terbentuklah dalam kehidupan manusia dan usaha mencari kemahiran-kemahiran tertentu merupakan cita-cita setiap ahli masyarakat. Hasil perspektif terhadap pembangunan budaya inilah, membawa kepada pembinaan sekolah-sekolah oleh masyarakat dengan peranan untuk menyalurkan pengetahuan dan kemahiran penting kepada golongan remaja dan belia. Pendidikan juga mampu berfungsi sebagai saluran untuk meningkatkan perhubungan antara individu. Semua individu mempunyai keperluan asas untuk berhubung dengan individu lain. Proses pemasyarakatan melalui sekolah akan membolehkan seseorang pelajar itu meluaskan perspektif fahaman, pandangan dan tanggapan mereka terhadap sesuatu (Abd.Rahim Abd.Rashid, 2001).





Menurut Byram (1997), pendidikan multibudaya merupakan usaha mendidik serta membangunkan minda generasi muda negara ini, terhadap nilai serta kemahiran berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia. Matlamat sistem pendidikan kebangsaan akan dapat dicapai dengan wujudnya corak sosio budaya yang saling diterima, dihargai, dan dihormati sebagai milik bersama oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Pendidikan Multibudaya diyakini mampu untuk memenuhi peranan sistem persekolahan Malaysia sebagai asas pembinaan perpaduan rakyat berbilang kaum dan pendidikan sebagai asas pembinaan disiplin dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum.

1.3 Penyataan Masalah

Pengetahuan para guru mengenai pendidikan multibudaya adalah penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dipengaruhi sikap prejudis. Guru-guru dapat mengamalkan sikap yang lebih adil dan menggunakan kemahiran yang sesuai dengan latar budaya dan etnik pelajar mereka. Usaha secara berterusan dalam meningkatkan kemahiran dan meluaskan amalan pendidikan multibudaya dalam sistem pendidikan Malaysia mampu melahirkan pelajar yang lebih memahami dan menghormati budaya bangsa lain. Pelbagai usaha pihak berkaitan dalam mempromosikan pendidikan multibudaya sebagai agen penyatuan bangsa diperlukan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang dapat mengubah sikap dan amalan dalam pendidikan negara kini.

Kajian ini dijalankan dengan memberi fokus untuk meninjau masalah dan persoalan yang berkaitan dengan pendidikan multibudaya. Pendidikan multibudaya merupakan sesuatu yang penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang mempunyai pelajar pelbagai latar budaya dan etnik dan konsep pendidikan multibudaya ini masih baru dalam konteks sistem pendidikan Malaysia.





Dari segi amalan pula, pendidikan multibudaya kurang dilaksanakan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Pengetahuan dan kemahiran mengenai pendidikan multibudaya dalam kalangan para guru dilihat sebagai sesuatu yang baru dan kurang difahami dan diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji berpendapat beberapa usaha dan perancangan perlu dilaksanakan dalam pelbagai peringkat sistem pendidikan negara agar para guru dapat disediakan dengan kemahiran dan pengetahuan yang selari dengan situasi di sekolah dan seterusnya memenuhi hasrat negara.

Penelitian pengkaji terhadap sistem persekolahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mendapati para guru kurang didedahkan mengenai konsep pendidikan multibudaya secara terperinci melalui pelbagai dasar atau program. Faktor kurangnya pendedahan sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengetahuan dan penerimaan para guru yang seterusnya mempengaruhi tahap kesedaran mereka. Pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar haruslah digunapakai di sekolah agar objektif setiap mata pelajaran dan program pendidikan yang diperkenalkan mencapai objektif pelaksanaannya. Amalan pendidikan melalui kurikulum dan kokurikulum perlu menitikberatkan aspek budaya etnik lain. Adalah penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan multibudaya dalam kalangan para guru di negara ini serta peranan sekolah sebagai agen perubahan dan pembangunan masyarakat.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti tahap pemahaman mengenai pendidikan multibudaya dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tun Abd.Razak, Jengka.Maran.Pahang. Aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan amalan menjadi fokus kajian. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk memenuhi objektif-objektif seperti berikut:

1.4.1 Menenalpasti pengetahuan guru-guru di sekolah menengah mengenai pendidikan multibudaya.

1.4.2 Menenal pasti kemahiran guru-guru dalam pelaksanaan pendidikan multibudaya

1.4.3 Meneliti sikap guru-guru terhadap pendidikan multibudaya.



1.4.4 Menenal pasti ketepatan pengetahuan guru-guru dengan pendidikan multibudaya.

1.4.5 Mengemukakan cadangan bagi mempertingkatkan pemahaman mengenai pendidikan multibudaya dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah.





1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dikemukakan, kajian ini berusaha untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang timbul, iaitu:

1.5.1 Sejauhmanakah guru-guru di sekolah menengah mempunyai pengetahuan mengenai pendidikan multibudaya?

1.5.2 Sejauhmanakah guru-guru memiliki kemahiran dalam pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah?

1.5.3 Apakah sikap guru-guru terhadap pelaksanaan pendidikan multibudaya?


1.5.4 Adakah pengetahuan guru-guru bertepatan dengan pendidikan multibudaya?

1.5.5 Apakah cadangan bagi mempertingkatkan tahap pemahaman mengenai pendidikan multibudaya dalam kalangan guru-guru?



1.6 Kerangka Konseptual: Tahap Kesedaran Mengenai Pendidikan Multibudaya

Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah berikut :



Merujuk kepada rajah di atas, kajian ini bertujuan meneliti tahap pengetahuan, kemahiran serta sikap dan amalan para guru sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini terhadap pendidikan multibudaya. Responden utama dalam kajian ini guru sekolah menengah yang dilihat sebagai individu yang wajar mempunyai pengetahuan, kemahiran dalam melaksanakan pendidikan multibudaya. Pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki mempengaruhi sikap dan amalan mereka semasa mengaplikasikan pendidikan multibudaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini adalah dengan berpandukan kepada pendidikan multibudaya yang dikemukakan dalam model Byram', (1997) dan Banks (1999). Model Byram (1997) menyenaraikan lima kemahiran yang diperlukan iaitu kemahiran pengetahuan mengenai produk budaya lain, kemahiran menghubungkan budaya lain dengan budaya sendiri, kebolehan menjana pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam komunikasi serta sikap terbuka.



Manakala Banks (1999), menumpukan kepada lima dimensi utama iaitu pengintegrasian ke atas kandungan mata pelajaran mengikut kesesuaian pelajar, pembinaan pengetahuan oleh pelajar dengan menggunakan kemahiran yang dimiliki oleh guru, penglibatan bersama guru dan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, peranan guru dalam mengurangkan prejudis dan akhir sekali tumpuan terhadap keseluruhan budaya sekolah untuk mencipta lebih banyak persamaan.

Pengetahuan dan kemahiran guru mengenai pendidikan multibudaya dalam sistem pendidikan negara yang mempunyai pelajar pelbagai latar budaya dan etnik penting dalam mencapai matlamat kesamarataan dalam pendidikan dan dalam membina asas perpaduan dalam kalangan pelajar sejak peringkat persekolahan.



1.7 Definisi Istilah Dan Operasional

1.7.1 Pendidikan Multibudaya

Pendidikan Multibudaya merupakan idea, gerakan reformasi pendidikan, dan proses (Bank, 1997). Sebagai suatu idea, pendidikan multibudaya bertujuan untuk mewujudkan peluang-peluang pendidikan yang sama untuk semua pelajar, termasuk mereka yang datang dari kumpulan-kumpulan kaum, etnik dan kelas sosial yang berbeza. Pendidikan multibudaya berusaha cuba mewujudkan peluang-peluang pendidikan yang sama untuk semua pelajar dengan menukar persekitaran sekolah secara keseluruhannya supaya ianya dapat mencerminkan kepelbagaian budaya dan kumpulan dalam bilik darjah sesebuah masyarakat dan negara. Pendidikan multibudaya adalah satu proses kerana matlamatnya adalah bersifat ideal yang memerlukan guru dan pentadbir sentiasa berusaha untuk merealisasikannya.





Menurut Abd. Rahman bin Daub (1999), menyatakan bahawa pendidikan atau *education* dalam bahasa Inggeris berasal dari perkataan latin '*educare*' yang bermaksud memelihara atau mengasuh. Pendidikan bukanlah merupakan satu objek atau benda fizikal tetapi sebagai satu idea. Pendidikan adalah khusus dalam apa juga keadaan yang menunjukkan gabungan alam semulajadi dengan manusia. Mereka belajar melalui pengalaman dan perjumpaan dengan alam.

Menurut Aidan Foster-Carter (1988), sekolah adalah institusi dan pendidikan adalah proses, kedua-duanya berfungsi melalui aktiviti persekolahan, sekaligus menjadikan ia berada dalam skop pengertian yang amat luas, namun keadaan peri berlakunya dapat ditanggapi sebagai satu proses permasyarakatan. Proses yang berlaku ini, membolehkan setiap individu mempelajari cara hidup masyarakat di sekelilingnya dan akhirnya dapat menjelaskan tentang konsep pendidikan sebagai suatu proses 'pembelajaran' yang berterusan, bermula dari detik kelahiran seseorang sehinggalah ke akhir hayatnya.

Stavenhagen (1986), menjelaskan terdapat 2 konsep dalam memperkatakan mengenai multibudaya. Konsep pertama menyatakan multibudaya merupakan aspek sosial yang normal dalam masyarakat yang heterogen. Penyataan ini merujuk kepada situasi negara di dunia ini yang kebanyakannya bersifat plural yakni mempunyai pelbagai kelompok etnik dan budaya. Kedua, multibudaya dianggap sebagai suatu keyakinan, ideologi, sikap yang menghargai pluralisme etnik dan budaya sebagai suatu yang berharga dan harus dipelihara sebaiknya.





1.7.2 Pengetahuan

Pengetahuan ialah sebarang maklumat yang berguna bagi tugas yang dilakukan (Chabris, 1983). Pengetahuan ialah pengabungan set sintatik dan simantik yang boleh digunakan bagi menerangkan sesuatu (Bench-Capon, 1990). Pengetahuan didefinisikan sebagai persepsi yang jelas mengenai sesuatu, pemahaman, pembelajaran, pengalaman praktikal, kemahiran, pengecaman, himpunan maklumat tersusun yang boleh diguna untuk menyelesaikan masalah, kebiasaan terhadap bahasa, konsep, idea, fakta-fakta, perhubungan antara fakta, maklumat dan kebolehan menggunakan semua ini dalam memodelkan aspek-aspek yang berbeza dalam persekitaran.

Elemen pengetahuan dalam kajian ini pula menumpukan kepada beberapa aspek seperti



yang disyorkan oleh Banks (1999):

1.7.2.1 Pengetahuan guru mengenai budaya lain seperti adat resam, produk, amalan dan kehidupan sosial.

1.7.2.2 Pengetahuan guru mengenai pendidikan multibudaya yang terdapat dalam kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Pengetahuan guru untuk mengintegrasikan pendidikan multibudaya ke atas kandungan sesuatu mata pelajaran atau aktiviti kokurikulum yang sesuai dengan pelajar dan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu yang menyeronokkan bagi pelajar dan guru.





1.7.3 Kemahiran

Byram's (1997), turut menyenaraikan lima kemahiran yang diperlukan dalam konteks pendidikan masyarakat berbilang kaum dan budaya:

1.7.3.1 Kemahiran pengetahuan : tentang kelas sosial, produk dan amalannya dalam lingkungan kelompok sendiri, tentang persaingan yang wujud, seterusnya tentang amalan yang biasa dalam masyarakat dan kemahiran berinteraksi secara individu.

1.7.3.2 Kemahiran menaakul dan menghubungkan : merujuk kepada kebolehan menaakul dokumen atau acara daripada budaya lain, dan kebolehan menerangkan serta menghubungkannya kepada dokumen atau acara budaya sendiri.

1.7.3.3 Kemahiran meneroka dan melakukan perhubungan : merujuk kepada kebolehan mendapatkan pengetahuan baru budaya dan amalannya serta kebolehan menjana pengetahuan, sikap dan kemahiran di bawah tekanan keperluan komunikasi dan interaksi semasa.

1.7.3.4. Kemahiran sikap : sentiasa ingin tahu, terbuka dan bersedia untuk menahan sesuatu yang bertentangan daripada budaya lain dan menahan sesuatu yang sepatutnya daripada budaya sendiri.





Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran guru sekolah dalam pelaksanaan pendidikan multibudaya meliputi perkara berkaitan aktiviti kokurikulum, kemahiran khusus tentang konsep pendidikan multibudaya dan beberapa lagi elemen lain. Pengkaji turut menumpukan kepada aspek kemahiran guru dalam komunikasi seperti yang disenaraikan Byram (1997), iaitu kebolehan guru sekolah menengah mengamalkan pengetahuan yang dimiliki mengenai budaya lain semasa berinteraksi dengan pelajar dan ibu bapa pelajar serta masyarakat sekolah secara keseluruhannya dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

1.7.4 Sikap

Sikap adalah tingkahlaku yang lahir dari emosi. Ia adalah kumpulan keterlaluan/perangai yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap orang lain. Ia merupakan komponen emosi dan salah satu perkara yang sukar difahami dan diurus. Sikap positif akan menghasilkan tiga matlamat ia akan melahirkan emosi yang positif/baik terhadap kerja dan rakan-rakan, menambahkan sifat kreatif bagi menambah produktiviti dan memperbaiki personaliti seseorang apabila berhubung dengan persekitaran dan sebaliknya jika bersikap negatif.

Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada tingkah laku atau tindakan guru terhadap pengenalan dan pelaksanaan konsep pendidikan multibudaya dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Tumpuan diberikan kepada kesungguhan dan usaha guru sekolah dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan multibudaya. Merujuk kepada Byram (1997), adalah penting untuk para guru bersikap terbuka terhadap sesuatu yang bertentangan dengan budaya sendiri dan bersikap ingin tahu mengenai budaya lain untuk mencipta lebih banyak persamaan agar dapat berkomunikasi dengan selesa.





1.7.5 Amalan

Merujuk kepada Kamus Dewan, sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan pada amalnya yang sebenarnya berlaku atau terdapat, pada praktiknya. Amalan merupakan tindakan bagi mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap tentang sesuatu perkara. Pengetahuan dan kemahiran yang baik tentang sesuatu perkara akan mencorakkan amalan seseorang.

Kajian ini merujuk kepada amalan-amalan guru sekolah dalam pelaksanaan pendidikan multibudaya. Antara amalan yang menjadi penelitian dalam kajian ini adalah seperti yang di cadangkan oleh Byram (1997) dan Banks (1999). Amalan guru menerangkan dan menghubungkan budaya lain kepada budaya sendiri di lihat mampu mengurangkan prasangka dalam kalangan pelajar pelbagai latar budaya. Amalan pembelajaran secara berkumpulan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat menghindari diskriminasi terhadap kelompok pelajar. Selain itu, perbincangan turut memfokuskan kepada penglibatan para guru dalam aktiviti kokurikulum, amalan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan dalam program kebudayaan yang dianjurkan oleh institusi pendidikan.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh digunakan bagi mengenal pasti langkah-langkah menyemai konsep pendidikan multibudaya, selain berperanan dalam meneliti cabaran dan penerimaan tenaga pengajar dan pihak-pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan negara. Generasi yang lahir dari sistem pendidikan negara yang mengutamakan nilai menghormati dan menghargai budaya etnik lain mampu menjamin perpaduan dalam kalangan rakyat.

Kurikulum KBSR dan KBSM yang terdapat dalam sistem pendidikan di negara ini mempunyai motif untuk membentuk integrasi nasional dalam kalangan pelajar pelbagai budaya walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam falsafah pendidikan. Untuk merealisasikan hasrat ini, pengetahuan dan kemahiran pendidikan multibudaya dilihat sebagai penting untuk difahami dan di amalkan oleh guru di sekolah. Kajian ini dilihat sebagai usaha dalam meningkatkan tahap pemahaman dan mengukuhkan ilmu pengetahuan berkaitan budaya masyarakat majmuk, objektif sistem pendidikan dan kesedaran pemupukan nilai-nilai kerjasama serta saling menghormati secara menyeluruh.

Para guru diharap mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam mengaplikasikan pendidikan multibudaya di dalam kelas serta bersikap lebih terbuka dengan sebarang pembaharuan sistem pendidikan. Kajian ini akan mengemukakan beberapa saranan bagi memastikan matlamat pelaksanaan pendidikan multibudaya di sekolah lebih bersifat menyeluruh dengan melibatkan setiap mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Maklumat kajian ini boleh dijadikan panduan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mengenal pasti usaha dalam mempertingkatkan pengetahuan mengenai konsep pendidikan multibudaya dalam kalangan guru sekolah. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada mereka yang ingin membuat penyelidikan seumpama dengannya.





1.9 Rumusan

Malaysia mempunyai masyarakat yang majmuk maka konsep pendidikan multibudaya dalam konteks negara ini perlu difahami dengan jelas. Salah satu cara yang digunakan agar rakyat Malaysia sentiasa bersama adalah melalui pendidikan kebangsaan. Institusi sekolah diharap berperanan untuk membimbing pelajar untuk hidup bermasyarakat. Malah, cara ini di anggap paling berkesan kerana setiap orang pasti akan melangkah ke alam persekolahan dan keadaan ini sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan semangat cintakan negara berdasarkan sukatan pelajaran, penggunaan bahasa melayu dan sistem peperiksaan yang seragam

Pemantapan pengetahuan dan kemahiran guru mengenai pendidikan multibudaya penting agar dapat di aplikasikan sebaik mungkin dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar pelbagai etnik. Para guru seharusnya mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai konsep pendidikan multibudaya bagi memastikan segala bentuk dasar, kurikulum yang ingin diketengahkan benar-benar mampu melahirkan generasi yang memahami latar budaya masyarakat dan memahami perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti pelajar-pelajar dari etnik yang lain. Kajian ini penting bagi melakukan penelitian terhadap pengetahuan dan kemahiran pendidikan multibudaya dalam kalangan guru.

Kajian ini dilihat satu kajian yang berbeza dari kajian-kajian berkaitan isu pendidikan yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian ini melakukan penelitian terhadap pendidikan multibudaya dengan menumpukan kepada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan amalan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah. Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengemukakan cadangan bagi mempertingkatkan kesedaran mengenai pendidikan multibudaya.

